

---

[BIL. 55 NOV 2019](#)

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

# CREATE

*e-newsletter*

## **UMP disaran beri perhatian serius bidang kecerdasan b**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatullah Al-Musta'in Billah menitahkan supaya Universiti Malaysia Pahang (UMP) membina dan memperkukuhkan bidang Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI)

Baginda yang juga merupakan Canselor UMP bertitah demikian pada Titah Diraja sempena Majlis Konvokesyen 2019 di Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang pada 16 November 2019 yang lalu.

---

Selain bidang kecerdasan buatan, UMP juga diseru untuk bergerak dengan lebih ke hadapan dalam menaja Vokasional (TVET), selari dengan fokus terkini pendidikan tinggi negara.

Titah Baginda, bidang ini mampu melonjakkan Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi dan berharap U menjayakan agenda ini

"Dengan kerjasama erat di antara UMP dengan pihak industri dalam dan luar negara berupaya meng melahirkan modal insan yang bukan hanya mampu memenuhi keperluan negara, bahkan pada peringkat a

Seri Paduka juga menzahirkan pujian kepada pentadbiran UMP terhadap rancangan mereka untuk menui yang bertujuan mendapatkan dana bagi membantu rakyat kurang berkemampuan memperoleh peluang me

"Perkara ini adalah satu usaha murni yang wajar diberikan pujian dan sokongan semua pihak, namun pih kepada sumbangan dalam usaha mahu meningkatkan prestasi.

"Sebaliknya, usaha gigih diperlukan untuk mencari rakan strategik baharu untuk meningkatkan keupayaan universiti lain," titah Seri Paduka.

Al-Sultan Abdullah juga pada titah baginda, menasihatkan graduan UMP untuk menggunakan ilmu dan pe memberi manfaat kepada masyarakat, selain mencari peluang mencipta kejayaan lebih besar pada masa a

Titah Seri Paduka, graduan menggalas amanah dan tanggungjawab besar di bahu mereka dalam mencor selain perlu menjadi warganegara yang sering menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan Malaysia

Al-Sultan Abdullah juga berkenan menzahir baharu dilantik sebagai Pro-Canselor UMP bersama-sama Tan

Untuk rekod, istiadat pemasyhuran Tengku Hassanal selaku Pro-Canselor akan dilakukan pada masa berada di Akademi Tentera Diraja Sandhurst (Royal Military Academy Sandhurst) di United Kingdom.

Majlis konvokesyen kali ini melibatkan 3,782 graduan terdiri daripada 2,633 graduan program pra pengajia dan 914 program pengajian eksekutif dan profesional di bawah pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Adv

---

## **Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asaari dimasyhurkan Pro-**

Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor Universiti Ma

---

Konvokesyen UMP Ke-14 yang disempurnakan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah A-Musta'in Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang.

Dalam majlis itu, baginda turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Maklumat Eksekutif HeiTech Padu Berhad, Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib yang juga mantan Pengerusi Lembaga Mohd Taib.

Penganugerahan tersebut adalah sebagai pengiktirafan terhadap ketokohan, sumbangan dan kepimpinan transformasi organisasi, teknologi dan inovasi, serta pembangunan khususnya di universiti selama ini.

Bagi Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) dinobatkan buat graduan Sarjana Muda Sains dengan Kepujian, Azriel Tan Zhe Khen dan Umi Fatiha Md [Kosnin@Md](mailto:Kosnin@Md) Seropil graduan Sarjana Muda Sains

Anugerah Canselor pula dianugerahkan kepada Khairun Nisa Mazlan graduan Sarjana Muda Pengurusan

Manakala Lai Chor Kiew, graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer dan Rangkaian) dengan Canselor.

Anugerah Emas Universiti dianugerahkan buat Janet Jong Jin Joo, graduan Sarjana Muda (Kepujian) Ubaidillah graduan Diploma Sains Komputer.

Buat julung kalinya, seramai 35 orang graduan sulung Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan personal yang terlibat secara langsung dengan inisiatif pengurusan dan pembangunan bakat kepimpinan bakal bergraduasi hasil program kerjasama pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Advanced Education dan Pendidikan Tinggi (AKEPT), KPM.

Majlis Konvokesyen UMP ini turut menyaksikan seramai 3,782 graduan UMP yang terdiri daripada 2,106 graduan francais, 77 graduan ijazah kedoktoran, 158 graduan ijazah sarjana, 527 graduan diploma dan seramai 914 graduan profesional di bawah pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Advanced Education yang bergraduasi pada

Majlis dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Ibrahim Ahmad dan Naib Canselor UMP,

---

---

## UMP akan beri penekanan serius konsep '*Social Enterprise Tech*

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff akan memberi penekanan kepada konsep '*Social Enterprise Technological University*' bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan pada masa depan.

"Konsep yang membolehkan mereka lebih berdikari itu telah dijadikan asas dalam pelan strategik UMP untuk bersaing berdaya saing dengan universiti lain.

"UMP juga akan terus memperkasa penyelidikan, pembangunan keusahawanan dan pentadbiran yang berdaya saing di masa depan.

"UMP juga akan terus memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) memfokuskan kepada industri dan dipertanggungjawabkan dalam aspek itu oleh Kementerian Pendidikan," katanya semasa berucap pada majlis persembahan di Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang pada 16 dan 17 November 2019 yang lalu.

Tambah beliau lagi, bagi melaksanakan agenda TVET, UMP telah memulakan proses transformasi organisasi dan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti memberi laluan kepada graduan Diploma Vokasional Malaysia untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di sini.

"UMP turut tersenarai pada kedudukan ke-271 universiti terbaik dunia dan ketujuh di Malaysia bagi program kejuruteraan ke-741 dunia dalam program kimia, berdasarkan portal berita *US News and World Report*.

"Pemilihan itu adalah berdasarkan 13 indikator termasuk reputasi kajian kejuruteraan global, reputasi kejuruteraan, kolaborasi kejuruteraan antarabangsa dan peratusan penerbitan," ujar beliau.

---

---

# Bapa terharu terima Anugerah Khas Anumerta

Bapa kepada penerima Anugerah Khas 'Anumerta' Universiti Malaysia Pahang (UMP), Roslan Jodin, 5 anaknya, allahyarham Mohamad Hakim Roslan menerima skrol Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di peroleh pada sidang pertama Majlis Konvokesyen UMP Ke-14 di bilik kamar Kompleks Sukan, UMP Kuantan yang lalu.

Apatah lagi, anugerah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah A-Musta'in Billah yang merupakan

Turut hadir Pro-Canselor UMP, Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor, Pengerusi Lembaga Penaja, Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

Allahyarham Mohamad Hakim yang merupakan anak sulung dalam keluarga ini telah pergi mengadap Allah SWT akhir setelah bertarung dengan sakit kanser usus sejak tahun 2017 lagi.

---

---

Menurut Roslan Jodin, sepanjang menerima rawatan, pengkuliahannya banyak tertinggal kerana rawatan.

“Namun, sokongan kawan-kawan allahyarham dan pensyarah amat kami kagumi. Kami masih teringat, rakannya di rumah transit di dalam kampus ditemani kami sekeluarga,” katanya yang hadir bersama isteri, Siti Zanariah.

Kisah arwah yang mempunyai semangat juang yang tinggi melawan sakitnya turut dikongsikan pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Ujar Dr. Abdul Nasir, semangat allahyarham Mohamad Hakim wajar dicontohi pelajar lain pada hari ini.

“Sebagai pensyarah yang juga penasihat rasmi pertandingan kereta elektrik *Shell Eco Marathon Asia*, Mohamad Hakim antara salah seorang pelajar yang berminat menjadi ahli pasukan ini.

“Allahyarham menawarkan diri untuk melakukan kerja-kerja fabrikasi dan bercerita tentang pengalaman kemahiran yang tiada pada ahli lain dalam pasukan yang cukup muda ketika itu.

“Namun, kira-kira dua minggu setelah pertemuan pertama bersama ahli pasukan, beliau menerima pelepasan menarik diri disebabkan masalah kesihatan dan tidak mampu untuk ke bengkel menyiapkan kereta bersama pasukan.

Selain itu tambahnya, diceritakan oleh seorang rakan pensyarah lain, ketika menjadi panel penilai projek, beliau ketika itu tidak hadir ketika sesi pembentangan projek kerana terlantar di hospital.

Pada masa yang sama, allahyarham Mohamad Hakim mengendalikan skop kerja elektrik dan elektronik.

Ketika sesi soal jawab, allahyarham menjawab soalan panel secara atas talian, langsung dari hospital.

Malahan beberapa pensyarah mengakui bahawa allahyarham berjaya menyiapkan kesemua kursus dan menghadiri sesi rawatan di hospital.

Dalam pada itu, menurut ibunya pula, pemergian allahyarham adalah satu kehilangan besar bagi keluarga yang mengharapkan semangat dan suntikan semangat buat anak-anaknya yang lain.

“Kami sekeluarga amat menghargai kesudian pihak UMP menguruskan kehadiran kami sekeluarga ke Majlis

---

---

# Azriel Tan raih Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya C

Oleh: NADIRA HANA AB HAMID, FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN DAN MEKATRONIKA  
Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

“Hidup hanya sekali, hiduplah dengan penuh erti”, begitulah falsafah hidup yang dipegang penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Azriel Tan Zhe Khen, 24 tahun, anak kepada pasangan Tan Chong Phor, 54 tahun yang berketurunan Cina dan Wai Choy, 53, seorang suri rumah.

Anak jati kelahiran Pulau Pinang ini merupakan pemegang Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Komunikasi dan Multimedia) dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian dengan PNGK 3.88.

Selain berjaya memperoleh Anugerah Dekan bagi setiap semester pengajian beliau di UMP, anak sulung ini merupakan seorang pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah apabila mencatat keputusan PNGK 3.42 dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan 3A+, 2A, dan 4A dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Kecemerlangan dalam bidang akademik tidak menghalang beliau dari aktif dalam aktiviti persatuan dan kelab.

Sepanjang pengajian di UMP, beliau memegang pelbagai jawatan dalam aktiviti persatuan dan kelab. Beliau pernah menjadi Ketua Multimedia bagi Kelab Alam Sekitar dan Lestari (*EcoSiswa*) UMP.

Beliau bertanggungjawab merancang serta mengurus aktiviti multimedia dan promosi program-program UMP di peringkat Negara pada 2016 dan *Earth Week* pada 2017. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Ketua Unit Publisiti dan Komunikasi UMP.

Penglibatan aktif beliau dalam aktiviti persatuan dan kelab telah membantu mengasah bakat kepimpinan dan keyakinan diri. Ini dibuktikan dengan pemilihan beliau sebagai pengerusi bagi jawatankuasa penganjur program UMP.

---

Selain aktif dalam aktiviti kelab dan persatuan, beliau turut bergiat aktif dalam aktiviti sukan dengan menyertai *Crazy Run, Neon Night Run, Splash Run, Titan Challenge: Survival of The Fittest* dan *Run for Life*. Selari dengan itu, beliau turut aktif dalam aktiviti kembara dengan menyertai program mendaki Bukit Broga *Hiking in Style*.

Antara aktiviti lain yang disertai bagi mengisi masa lapang serta menambahkan pengetahuan adalah menghadiri *Fiesta (2017): Mobility for Employability, Bengkel Microsoft Campus Day (2017), Town Hall Forum: Kebudayaan seperti Tahun Baru Cina, Pesta Tanglung, Winter Solstice, Karnival Drum Night, Malam Pesta*

Pengalaman paling indah bagi beliau sepanjang bergelar penuntut UMP adalah apabila berjaya memenangi pertandingan bertajuk '*Cloud Based Intelligent Waste Management Robots for Open Public Spaces*'.

Menghabiskan pengajian di UMP telah memberi satu pengalaman yang amat bermakna dan tidak ternilai. Beliau bersyukur kepada sebuah institusi yang memberikan peluang yang sama rata kepada semua penuntutnya untuk menimba ilmu, melatih diri untuk lebih berdedikasi, matang, serta membentuk jati diri seseorang individu secara fizikal dan mental.

Berpegang kepada prinsip hidup "Menghadapi cabaran dengan penuh dedikasi dan tidak mudah berputus asa", beliau kini menjadi seorang pakar teknologi maklumat, beliau kini sedang menyambung pengajian di peringkat Master's di Universiti Sains Malaysia (USM).

Harapan beliau, semoga segala ilmu yang diperolehi dapat dicurahkan untuk membantu pembangunan bangsa dan negara. Beliau berharap agar dapat terus menyumbang khidmat bakti serta membalas jasa kedua orang tuanya yang setia kepadanya kepada setiap kecemerlangan serta kejayaan yang dikecapi.

---

## Umi Fatiha anak petani rangkul Anugerah Pelajaran Diraja (Pi)

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Umi Fatiha Md [Kosnin@Md](#) Seropil anak kelahiran Sungai Balang, Muar Johor ini merupakan penerima Anugerah Cemerlang pada Majlis Konvokesyen Ke-14 Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Puteri kepada pasangan Md [Kosnin@Md](#) Seopil, 71 tahun yang bekerja sebagai petani dan Nurmah Sukri suri rumah, menjadikan ibu bapanya sebagai tunjang kehidupan dan asbab untuk berjaya. Anak bongsu ini dilahirkan pada Januari 1996 di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor. Ibu dan bapanya merupakan pendorong utama untuk dia, harapannya dapat membanggakan seluruh keluarganya dan membalas jasa dan pengorbanan mereka selagi hidupnya.

Umi Fatiha merupakan pemegang Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Teknologi Bahan dari Fakulti Sains dan Teknologi. Selain berjaya memperoleh Anugerah Dekan selama tujuh semester sepanjang pengajian di UMP, beliau turut memenangi pertandingan *Creation, Innovation, Technology and Research Exposition (CITREx 2019)* dan pingat perak di *30th International Exhibition (ITEX 2019)*.

Ketokohan beliau turut terserlah apabila bergiat aktif dalam beberapa aktiviti persatuan dan kelab. Beliau pernah berkhidmat sebagai Penceramah Pencegahan Rasuah UMP (SPRUMP, 2015–2017), Ahli Jawatankuasa *International Festival of Innovation and Creativity* (IFIC 2015), Timbalan Pengarah Explorace Anti Rasuah (SPRUMP) (2015) dan *Exco Bowling for Fitness and Bonding* (2015).



---

Antara jawatan-jawatan lain yang disandang beliau adalah sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana Pelajar MPP, Ahli Jawatankuasa Hari Suai Kenal (2016), Setiausaha *Freedom Run 1.0: Free from Corruption* (2016), Setiausaha MPP, Ketua Kepimpinan Pelajar (2017), *Exco Festival Bayu Kenyalang* (2017), *Exco Led Dance Music Run* (2018) dan *Exco* (2019).

Semasa menuntut di UMP, beliau amat berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan sejajar dengan Universiti Awam (UA) yang lain. Beliau turut memperakui bahawa para pengajar di UMP sangat memainkan peranan yang berjaya dari segi ilmu pengetahuan dan etika kehidupan terutamanya pensyarah-pensyarah di Fakulti Sains dan Teknologi berwibawa dalam mendidik dan melahirkan insan yang cemerlang. Mereka bukan sahaja mendidik, malah berinteraksi dengan para pelajar dan masyarakat kampus bersama para pelajar dan masyarakat.

Beliau kini bekerja sebagai *Junior Quality Control Executive* di Panwrite Plastic Industries Sdn. Bhd., Shah Alam, dan berminat terhadap penjagaan kualiti dalam bidang pembuatan.

'*Do your best and Allah will do the rest*' ialah kata-kata yang menjadi pegangan hidup beliau. Pada masa ini beliau sedang mendapatkan kemahiran-kemahiran baharu dengan melibatkan diri dalam bidang-bidang yang beliau gemai dan menambah ilmu baharu.

---

## 7 kali Anugerah Dekan Khairun Nisa dinobatkan penerima

Oleh: SHALFARINA BINTI SHAHRIMAN

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

Ketika berada di tahun ketiga pengajian, Khairun Nisa Mazlan, 23, pernah bekerja secara sambilan sebagai pembantu di Gambang demi menampung keperluan sara hidup yang semakin meningkat. Itulah pengalaman yang dia peroleh di Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-14.

Pengalaman itu menjadi titik tolak kepada kejayaan beliau hari ini demi membuktikan bahawa kesungguhan akan melalui satu perjalanan yang sukar untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Khairun Nisa dilahirkan pada 23 November 1996 di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Beliau menceburi kehidupan Kehilangan ayahanda tercinta, Mazlan Bidin, akibat penyakit leukemia, pada usianya 12 tahun menjadi satu tragedi.

Sejak itu, beliau bertekad untuk belajar dengan tekun sementelah menyaksikan ibunya, Noorasiah Daud, sebagai sokongan di Telekom Malaysia membanting tulang demi membesarkan mereka empat beradik.

Justeru, beliau terus menyambung pelajarannya dalam bidang Pengurusan Projek di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Anugerah Dekan selama tujuh semester berturut-turut.

Walaupun dihipit kesukaran kerana terpaksa menyesuaikan diri selepas menukar bidang pengajian dari Fakulti Banting, Selangor kepada bidang Pengurusan Projek di UMP, beliau tetap meneruskan tekad untuk berjaya kerana beliau percaya bahawa tiada apa yang mustahil sekiranya kita rajin berusaha.

Buktinya, beliau berjaya memperoleh PNGK 3.70 dan seterusnya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Dekan.

---

Kejayaan ini sekaligus membuktikan prinsip beliau bahawa sekiranya kita melakukan sesuatu yang baik, pa

Beliau tidak mempunyai sebarang rahsia untuk kekal berjaya pada setiap semester. Beliau hanya m  
peperiksaan, beliau akan menetapkan sasaran yang tinggi dan sudah pasti usaha yang lebih akan dilakuka

Fokus dalam bidang akademik tidak menghalang gadis ini dari turut bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum  
yang dianjurkan di dalam mahupun luar UMP.

Antara jawatan yang pernah disandang sepanjang empat tahun pengajian di sini adalah seperti Pengara  
Piala Persatuan Wanita UMP (Matahari), Timbalan Pengarah Program Tahun Akhir Pameran dan Pertu  
Industri 4.0 Teknologi Blockchain, Setiausaha Program Berjalan Kaki 10,000 Langkah untuk Sifar HI  
*Women's Grooming*, Panel Jemputan Forum *Circle Talk 3.0* anjuran kelab PMSB, dan juga Exco dalam p  
dan persatuan di UMP.

Sebagai seorang pelajar di universiti bertaraf dunia, beliau sememangnya bangga menjadi alumni UMP.

Baginya, UMP ialah sebuah universiti yang selesa dengan pelbagai kemudahan dan sistem peng  
perkembangan teknologi.

Kini, segala susah payah yang dilalui akhirnya terbayar jua apabila beliau diterima bekerja sebagai  
(CCSS) *Representative 1, Global Support Contact Centre* di HSBC Data Processing (M) (HDPM) sebelum

Pesannya, untuk berjaya di dalam hidup perlulah sentiasa untuk menetapkan sasaran dan rancang dengan

“Selain itu, perancangan dan pengurusan masa yang teratur amat diperlukan bagi kelancaran proses sesua

“Kita juga perlu menjaga hubungan sesama manusia seperti mana kita menjaga hubungan dengan P  
keluarga terutamanya ibu bapa dalam setiap perkara.

“Akhir sekali, jangan kedekut untuk berkongsi ilmu kerana otak kita akan lebih mengingati sekiranya kita m

---

## **Kekuatan ibu beri semangat buat Lai Chor K**

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Foto oleh: ALUWI MOHD SIKAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA

---

Kecekalan semangat ibunya, Loh Kwai Fong, 48 dalam membesarkan anak-anaknya setelah kehilangan suami, menguat semangat buat Lai Chor Kiew, 24, untuk menamatkan pengajian dan dinobatkan sebagai penerima Ijazah Sarjana (M-Sc) dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (EEE) pada Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-14 yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang pada 17 November 2019 yang lalu.

Anak sulung daripada empat adik-beradik ini berkata, dorongan dan sokongan daripada keluarga menajanya adalah faktor utama yang mendorongnya untuk berjaya walaupun pernah gagal dalam sesuatu perkara.

"Terdapat ibu bapa yang akan memarahi anak apabila gagal terutamanya ketika di peringkat sekolah rendah. Tetapi ibu bapanya tidak pernah memarahinya malah sentiasa memberikan semangat untuk terus melakukan yang terbaik. Saya juga mempunyai keyakinan mendalam terhadap diri saya," katanya.

Graduan dari Fakulti Komputeran ini akan memastikan segala matlamat yang telah ditetapkan akan dicapai.

Bagi beliau, setiap orang mempunyai matlamat yang telah ditetapkan dalam hidup, jika kita mampu mencapainya.

"Saya sentiasa berpegang kepada prinsip tidak mudah berputus asa, sentiasa bertanya dan belajar merupakan kunci kejayaan," katanya.

"UMP adalah sebuah universiti yang hebat yang dapat membantu anak-anak muda untuk berkembang selaras dengan keperluan masyarakat yang berubah-ubah. Saya berpuas hati dengan keputusan ini kerana ia merupakan pemegang Ijazah Sarjana (M-Sc) dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (EEE) dengan Kepujian dengan PNGK 3.82.

Beliau juga berjaya memperoleh Anugerah Dekan bagi setiap semester sepanjang pengajian di UMP.

Selain itu, Lai Chor Kiew juga bergiat aktif dalam pelbagai program dan persatuan antaranya Jelajah Malaysia 2017, *Motorola Embedded Wireless Communication (M-Wicom Module A)* dan *Motorola Embedded Wireless Communication (M-Wicom Module B)*.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai *Automation Engineer* di industri turut bersyukur atas anugerah yang di berikan kepadanya.

---

## 35 graduan perintis program kerjasama UMP dan AKEPT dalam industri

Seramai 35 graduan program kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Akademi Kepimpinan dan Pengurusan (AKEP) menerima diploma masing-masing yang disampaikan Naib Canselor UMP pada 17 November 2019 yang lalu. Peristiwa ini berlangsung pada hari kedua 17 November 2019 yang lalu di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang, Gambang.

---

Program perintis ini dilaksanakan melalui pusat pengajian sepanjang hayat, UMP Advanced Education (UMAE) dalam bidang Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM).

Pelaksanaan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat ini selaras dengan kepentingan pembangunan dunia kesarjanaan ke arah pematapan penyampaian kerja berprestasi tinggi pada masa depan.

Bagi Pengarah AKEPT, Profesor Dr. Nordin Yahaya, agenda pengurusan dan pemerksaan bakat ke organisasi dan institusi pendidikan tinggi.

“Hasrat AKEPT dalam membina jambatan ilmu CBTM direalisasikan melalui kolaborasi strategik antara UA menjadi tonggak dalam membudayakan pengurusan bakat yang berwibawa di Universiti Awam (UA).

“Alumni pertama AKEPT-UMP dalam Diploma Profesional CBTM ini merupakan satu pelaburan yang berjaya khususnya.

“Pendedahan kepada ilmu sumber manusia dengan sepuluh modul yang ditetapkan ini telah berjaya melengkapkan pengurusan bakat yang lebih berstruktur dan telus,” katanya.

Tambah beliau lagi, dengan terhasilnya kohort pertama dalam CBTM ini, AKEPT berharap ia akan memajukan pengurusan bakat yang lebih telus, holistik dan objektif.

“AKEPT bersama dengan UA akan bergerak seiring dan jaringan strategik ini juga merupakan landasan untuk mencapai kelestarian pengurusan bakat kepimpinan berteraskan kompetensi.

“Saya berharap agar usaha AKEPT-UMP ini berterusan bagi merencanakan agenda kelangsungan dan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

“Program komprehensif melalui pendekatan pembelajaran teradun (*blended learning*) ini adalah di bawah bimbingan CeLP manakala AKEPT dan UMP sebagai rakan strategik.

“Pembelajaran Teradun merupakan satu kaedah yang menggabungkan pendekatan pembelajaran mod berbilang (mod atas talian (*online*),” ujar beliau.

Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkata, CBTM program penting bukan sahaja kepada pentadbir universiti, malah semua komuniti universiti dalam pembangunan bakat.

Manakala bagi Timbalan Pengarah di Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pula berkata, pembelajaran sambil bekerja adalah satu pengalaman baharu yang sangat memberangsangkan dan bertanggungjawab semasa di UniSZA.

“Program ini banyak memberi pendedahan dan maklumat yang terkini dalam pengurusan bakat sumber manusia dan kerja dengan pengurus bakat di UA yang lain,” katanya.

Tambah Ketua Seksyen Pelan Penggantian di Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Azlina Azman berkata, beliau amat terpuji dan terbaik hasil idea asli dan kreatif AKEPT dan UMP agar berupaya meningkatkan kompetensi pengurus bakat sumber manusia terkini.

Pada masa yang sama, sebuah buku yang berjudul 'Memimpin Yang Terpimpin: Model Kompetensi Sumber Manusia' telah diterbitkan oleh penulis daripada UMP, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UnisZA dan AKEPT yang diketuai oleh Pensyarah AKEPT, Prof. Dr. Nordin Yahaya.

Mohamad Rozi Hassan dan Timbalan Pengarah AKEPT, Profesor Madya Dr Ismie Roha Mohd. Jais dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor. Mereka hadir dalam majlis Graduan bersempena meraikan graduan CBTM anjuran UMPA di Hotel Vistana Kuantan baru-baru ini.

Beberapa siri buku, jurnal, artikel, modul dan penerbitan-penerbitan lain juga akan diterbitkan sebagai ruai yang berkenaan.

## Sidang Editorial

### PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
*nc@ump.edu.my*

### KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin  
*znh@ump.edu.my*

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
*safriza@ump.edu.my*

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
*mimirabitah@ump.edu.my*

Nur Hartini Mohd Hatta  
*nurhartini@ump.edu.my*

Nor Salwana Mohammad Idris  
*salwana@ump.edu.my*

### PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
*mohdsuhaimi@ump.edu.my*

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
*noorazhar@ump.edu.my*

### JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil  
*khairul@ump.edu.my*

Muhammad Naufal Samsudin  
*naufal@ump.edu.my*

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
*lin@ump.edu.my*

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang diperlukan untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggariskan dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap kandungan yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertanggungjawabkan dan dikembalikan. Sumbangan karya boleh diarahkan kepada penerbit di:

EDITOR  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: *safriza@ump.edu.my*

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



• 137 views

[View PDF](#)

